

RANCANGAN PERNIAGAAN  
ETR 300

ROVNA'YSCOUZA DE' CHOCO CAFE

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
MELAKA  
DIPLOMA PERAKAUNAN

ROUNATYSOUZA DE' CHOCO CAFE

**DIPLOMA PERAKAUNAN ( 05 )**

**ROUNATYSOUZA DE' CHOCO CAFE**

Universiti Teknologi MARA

Km 26, Jalan Lendu

78000 Alor Gajah

MELAKA BANDARAYA BERSEJARAH

14 Julai 1999

PUAN ELEY SUZANA BINTI KASIM

Pensyarah Asas Keusahawanan ( ETR 300 )

Universiti Teknologi MARA

Km 26, Jalan Lendu

78000 Alor Gajah

MELAKA

Puan,

Rancangan Perniagaan **ROUNATYSOUZA DE' CHOCO CAFÉ**

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa kami telah diarahkan untuk menyediakan satu laporan Rancangan Perniagaan yang bertajuk **ROUNATYSOUZA DE' CHOCO CAFÉ** bagi memenuhi keperluan kursus untuk mata pelajaran Asas Keusahawanan ( ETR 300 ).

ROUNATYSOUZA DE' CHOCO CAFE

2. Laporan ini telah disediakan mengikut arahan, tatacara dan prosedur seperti yang telah ditugaskan. Kami memilih perniagaan ini kerana ia mempunyai potensi berdaya maju yang tinggi dan dapat menghasilkan pendapatan yang menguntungkan.
3. Penyerahan laporan ini dibuat selewat-lewatnya pada 16 Oktober 1999. Dengan ini kami menyerahkan laporan Rancangan Perniagaan ini dan kami bersedia untuk memberi sebarang maklumat tambahan yang diperlukan dan kami berharap Puan berpuas hati dengan laporan Rancangan Perniagaan ini.

Segala pertimbangan dan jasa baik dari pihak Puan kami dahului dengan ucapan terima kasih.

Yang benar,



( NORHANIZA BINTI MOKHTARUDIN )

Pengurus Rounatysouza De' Choco Café



# INSTITUT TEKNOLOGI MARA

## CAWANGAN MELAKA

### MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: 13hb. Julai 1999 Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka  
Surat Tuan: Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771  
Surat Kami: Telefax: 06-563963 06-5591067  
100-CM(AKA 37/B)

#### KEPADА SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Perakaunan di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran ETR 300 Asas Keusahawanan

Bil.	Nama Pelajar	No. ITM
1.	Norhaniza bt. Mokhtarudin	97083752
2.	Siti Haslinda bt. Dzulkarnain	97130275
3.	Sophia bt. Supiar	97142919
4.	Harozi bt. Kamaludin	97204907
5.	Maznah bt. Hj. Abdul Manap	97255603

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarluaskan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

AZIZAH DOLAH  
Ketua Kursus DIA  
ITM Melaka.  
b/p Provos

## PENGENALAN

**ROUNATYSOUZA DE'CHOCO CAFÉ** adalah nama perkongsian kami. Syarikat perkongsian ini merupakan sebuah syarikat yang terlibat secara langsung dalam pembuatan kek , menjual cookies dan pembungkusan coklat. Pemilihan bidang ini berdasarkan kepada hasil penyelidikan dan penilaian yang telah kami jalankan sebelum ini. Kami mendapati bahawa bidang ini mempunyai potensi yang besar untuk berkembang maju selaras dengan perkembangan dan pembangunan pesat di Melaka Tengah dan kawasan sekitarnya. Pertambahan penduduk yang pesat akan meningkatkan lagi permintaan terhadap produk ini menjelang tahun 2003.

Pengenalan perniagaan yang berteraskan kepada coklat sekaligus dalam menghasilkan kek, memasarkan coklat dan cookies serta menghasilkan minuman seperti coklat panas antara produk pertama yang diperkenalkan di kawasan Melaka dan mungkin juga di Malaysia. Ini adalah bertujuan untuk mempelbagaikan lagi jenis perniagaan makanan di pasaran dalam memenuhi citarasa pengguna. Produk Rounatysouza De' Choco Café ini dapat disediakan dengan cara yang mudah dan menimatkan masa.

Di samping itu, pemilihan lokasi yang strategik meyakinkan kami dalam mencari permintaan yang menggalakkan. Kemudahan infrastruktur yang lengkap seperti sistem jalan raya, pengangkutan, bekalan air dan elektrik, dan sebagainya akan memudahkan lagi proses perniagaan dan proses pengagihan kami.